




# **MANUAL KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK :**

**SELANGOR PERTAHAN  
AKIDAH AHLI SUNNAH  
WAL JAMAAH**



Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "SELANGOR PERTAHAN AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH".<sup>1</sup>

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ : وَإِلَهُنَا مِنْ إِلَهٍ وَاحِدٍ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

2



أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

3

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيُّكُمْ وَإِيَّاهُ يُبَتَّقُوا اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

4

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ



5

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberi kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat.

6

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "**SELANGOR PERTAHAN AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH**". Semoga Allah SWT melimpahkan hidayah dan taufik-Nya agar pegangan akidah kita bertepatan dengan akidah yang benar dan direndai oleh Allah SWT.



Keadaan kini menyaksikan ajaran-ajaran sesat menular sehingga menggugat perpaduan, keharmonian negara dan kemurnian akidah. Ancaman akidah dalam pelbagai bentuk ajaran sesat dan fahaman yang menyeleweng adalah bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

7

Justeru, para ulamak Ahli Sunnah Wal Jamaah menjelaskan akidah yang sebenar agar kesucian akidah yang dibawa oleh baginda Rasulullah SAW dan generasi selepasnya terus dipertahan dan dipelihara.

8

Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah golongan yang mengikut nabi SAW dan para sahabatnya dan mereka ialah golongan yang menjadi majoriti dalam kalangan umat Islam pada setiap zaman.

9

Allah SWT berfirman dalam surah ali-Imran ayat 106:

يَوْمَ تَبَيَّضُ وُجُوهٌ وَتَسُودُ وُجُوهٌ فَإِنَّمَا الْأَسْوَدَتْ وُجُوهُهُمْ  
أَكَفَرُهُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ فَذُوقُوا الْعَذَابَ بِمَا كُنْتُمْ تَكْفُرُونَ  
ۖ

10

"(Ingatlah akan) hari (kiamat yang padanya) ada muka (orang-orang) menjadi putih berseri dan ada muka (orang-orang) menjadi hitam legam. Adapun orang-orang yang telah hitam legam mukanya, (mereka akan ditanya secara menempelak): Patutkah kamu kufur ingkar sesudah kamu beriman? Oleh itu rasalah azab seksa neraka disebabkan kekufuran kamu itu."

11



Imam Ibnu Kathir dalam tafsirnya menyatakan bahawa wajah yang putih berseri dalam ayat ini sebagaimana pendapat Ibn Abbas Radhiallahuanhu ialah golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Manakala wajah orang-orang yang menjadi hitam legam itu pula ialah ahli bidaah dan yang berpecah belah.

12

Mereka juga adalah satu kumpulan yang selamat berbanding 72 kumpulan ajaran yang sesat dan akan dimasukkan dalam neraka.

Hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin 'Amru Radhiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

13

وَتَفْرَقُ أُمَّتِي عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ مِلَّةً كُلُّهُمْ فِي النَّارِ إِلَّا مِلَّةً وَاحِدَةً  
قَالُوا: وَمَنْ هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي

"Dan akan berpecah umatku kepada 73 kumpulan. Semuanya akan dimasukkan ke dalam neraka melainkan satu kumpulan sahaja. Sahabat bertanya: Wahai Rasulullah SAW, siapakah mereka? Nabi SAW menjawab: Apa yang aku berada di atasnya dan juga sahabat-sahabatku."

14

(Riwayat al-Tirmizi).

Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah pegangan Asya'irah dan Maturidiyyah merupakan arus perdana dan majoriti umat Islam di seluruh dunia. Istilah al-Asya'irah merujuk kepada pengikut Imam Abu Hasan al-Ash'ari yang wafat pada 324 Hijrah. Manakala istilah Maturidiyyah merujuk kepada pengikut Imam Abu Mansur al-Maturidi yang wafat pada tahun 333 Hijrah. Kedua-dua aliran inilah yang menjadi benteng utama kepada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang membersihkan pengaruh aliran Muktazilah dalam kerajaan Islam di era Khalifah Abasiah.

15



Ibnu Hajar al Haithami berkata:

*"Mereka merupakan pemimpin-pemimpin agama, ketua ulama-ulama muslimin. Diwajibkan mengikuti mereka ini kerana mereka itu adalah antara mereka yang memperkasakan syariat, menerangkan kesamaran, menguraikan kemusykilan dan menolak keraguan daripada golongan yang sesat. Wajib mengikuti mereka dengan ilmu mereka tentang ilmu mengenai Allah SWT daripada perkara yang wajib, mustahil dan harus."*

16

Imam al-Zabidi menyatakan bahawa,

*"Jika digunakan lafaz Ahli Sunnah Wal Jamaah, maka yang dimaksudkan dengan mereka ialah golongan Asya'irah dan Maturidiyyah".*

17

Sejak zaman berzaman, perkembangan Islam di alam Melayu adalah berpandukan kepada aliran arus perdana dan majoriti umat Islam ini.

Hal ini dapat difahami menerusi amanat terakhir Syeikh Abdullah Fahim, seorang ulama ulung di Tanah Melayu. Beliau menyatakan bahawa sejak beratus-ratus tahun lalu orang Melayu Islam di negara ini dari semua peringkat, orang awam, qadi, ulama, menteri hingga raja, semuanya berpegang dengan pegangan Imam Abu Hasan al-Ash'ari, bermazhab dengan mazhab Imam al-Syafi'i dan tasawuf mengikut perihal perjalanan Imam al-Ghazali.

18



Sesungguhnya Umat Islam negeri Selangor telah berpegang kepada akidah ini sejak sekian lama. Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan Selangor sendiri berpegang teguh kepada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah selaras dengan kedudukan Baginda Sultan sebagai Ketua Agama Islam Negeri berdasarkan Perkara 47 dan 48 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN SELANGOR 1959.

19

Begini juga dibuktikan dengan pegangan akidah Ashab Samahah Mufti-Mufti Selangor sejak Mufti Pertama iaitu Sheikhul Islam Tengku Mahmud Zuhdi dan Jawatankuasa Fatwa yang berperanan menasihati Sultan berkaitan hukum syarak. Mereka bersama-sama umat Islam mempertahankan dan menyebarkan akidah ini.

20

Disamping itu, al-Marhum Sultan Ala'eddin Suleiman Shah Ibni al-Marhum Raja Muda Musa telah mengarang Kitab Pohon Agama bagi menjelaskan makna Rukun Iman dan sifat 20.

21

Baginda menulis dan menggariskan kesempurnaan iman bagi seseorang muslim serta menitik beratkan pendidikan dan menguatkan akidah umat Islam.

Baginda bersyair:

*Sekadar ini rencananya disurat,  
Supaya ingat jangan melarat,  
Menghafaz, membaca janganlah berat,  
Iman di dada akar berurat.*

22



Hasil pembelajaran dan pegangan akidah ini telah berupaya melahirkan masyarakat Islam yang hidup dalam keadaan harmoni, aman dan sentosa hingga dapat menjauhkan diri daripada fahaman dan ajaran-ajaran yang menyeleweng.

23

Disamping itu, umat Islam negeri ini juga berjaya mengekalkan keharmonian dan perpaduan dengan sebab beramal dengan amalan-amalan ulamak muktabar Ahli Sunnah Wal Jamaah sejak dahulu.

Sebagai contoh amalan Bacaan surah Yaasin dan Tahlil oleh umara' dan ulama' sejak sekian lama telah menjadi ikutan masyarakat Islam sebagai usaha dakwah dan tarbiah sahsiah supaya mengutamakan persefahaman dan perpaduan umat Islam. Inilah intipati dan semangat kemesraan, bersatu hati dan ukhuwah berdasarkan amalan para ulamak sebagaimana tersirat dalam Fatwa Selangor yang diwartakan pada 31 Julai 2014.

24

Mengakhiri khutbah ini marilah mengambil iktibar dan pengajaran berikut sebagai panduan dalam kehidupan seharian:

1. Umat Islam hendaklah pelihara akidah yang telah diajar oleh baginda Nabi SAW dan diwarisi para sahabatnya serta telah dipertahan oleh Imam Abu Hasan al-Ash'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi.
2. Umat Islam hendaklah yakin bahawa Islam adalah agama yang sangat mementingkan akidah yang dibawa oleh Rasulullah SAW untuk mengubah kepercayaan yang sesat kepada beriman dengan Allah SWT
3. Usaha memperkuatkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah pegangan Asya'irah dan Maturidiyyah dari sudut undang-undang merupakan usaha penting untuk mengekalkan kesucian agama Islam dan perpaduan rakyat serta mengekang ajaran sesat.

25



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَإِنْ تُطِعْ أَكْثَرَ مَنْ فِي الْأَرْضِ يُضْلُوكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنْ يَتَّبِعُونَ  
إِلَّا الظَّنَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ ۱۱۶

26

"Dan jika engkau menurut kebanyakan orang yang ada di muka bumi, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah; tiadalah yang mereka turut melainkan sangkaan semata-mata dan mereka tidak lain hanyalah berdusta".

27

(Surah al-An'am: 116).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيطٌ بِالدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.
	اللَّهُمَّ اصْلِحْ أَئِمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلَّاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ



اللَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَيِّرَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ  
الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظْ بِعَيْنِ عَنَائِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَيَحْفَظِ  
وِقَائِتَكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،

7

جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ  
شَاهِ الحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الحَاجِ.

8

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ  
عَهْدِ سلاْغُورِ، تَعْكُو أَمِيرَ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ،

9

فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ  
عُمْرَهُمَا مُضْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ  
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

10

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan Masjid Al Aqsa di Palestin.

11



Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

12

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.

13

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٦﴾.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا

14

عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٦﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ

15

فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.